

PROMOSI MENABUNG, BERLANJA & MENANG HONG LEONG ISLAMIC

Terma & Syarat

Last updated on 8 September 2017

TEMPOH PROMOSI

1. “Promosi Menabung, Berbeelanja & Menang Hong Leong Islamic” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) bermula pada **11 September 2017** dan berakhir pada **10 Disember 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

KELAYAKAN

2. Promosi terbuka kepada Kad Debit-i MasterCard HLISB (“Pemegang Kad”) serta juga Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i (“CASA-i”) dan kriteria kelayakan penyertaan adalah seperti berikut:

Kad Debit-i

- (a) Promosi terbuka kepada Pemegang Kad Debit HLISB warga Malaysia (“Pemegang Kad”).
- (b) Pemegang Kad berikut **TIDAK** layak menyertai Promosi:
 - (i) Pemegang Kad Debit Hong Leong Bank Berhad;
 - (ii) Yang memiliki Kad Debit-i Bank yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - (iii) Yang memiliki Kad Debit-i Junior Bank;
 - (iv) Yang akaun Kad Debit-i mereka TIDAK berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada CASA-i yang telah ditutup, tak aktif atau melanggar mana-mana Terma & Syarat Bank pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Promosi dan/atau sebelum 10 Disember 2017; dan
 - (v) Yang akaun Kad Debit-i mereka dipercayai telah dikendalikan secara tipuan, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Debit-i mereka tak aktif atau dibatalkan mengikut takrifan Bank pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi dan/atau sebelum 10 Disember 2017.

CASA-i

- (a) Promosi terbuka kepada pelanggan warga Malaysia individu Bank sahaja yang merupakan Pemegang Akaun Utama CASA-i (“Pemegang Akaun”).
- (b) Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Hong Leong Bank dikecualikan daripada kempen ini.
- (c) Promosi TIDAK terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian dan amalan profesional termasuk syarikat dan badan korporat.
- (d) Promosi terbuka kepada seluruh Pemegang Akaun baharu dan sedia ada bagi akaun-akaun berikut (“Akaun Sertaan”):-
 - (i) Akaun Pay & Save-i Hong Leong;
 - (ii) Akaun Simpanan-i Multi-tier Hong Leong;
 - (iii) Akaun Simpanan-i Hong Leong;
 - (iv) Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong;
 - (v) Akaun Semasa One-i Hong Leong;
 - (vi) Hong Leong Payroll Plus-i

KRITERIA PENYERTAAN

3. Pemegang Kad dan/atau Pemegang Akaun mestilah melakukan pendaftaran SMS sekali untuk menyertai Promosi **“Simpan, Berbelanja dan Menang”** dan **“Pulangan Tunai 5-untuk-50”** mengikut contoh yang diberi (“Peserta Layak”):-
SMS “HLISB<jarak>No. Kad Debit-i 16-digit” kepada 66600.
Contoh: HLISB 5315910088888888
4. Peserta Layak bertanggungjawab memastikan butir-butir SMS yang diberi adalah lengkap, tepat dan dihantar semasa Tempoh Promosi. Bukti penghantaran SMS bukanlah bermakna pengesahan penerimaan oleh Bank.
5. Peserta Layak yang berjaya mendaftar untuk Promosi akan menerima pengesahan SMS daripada Bank. Caj biasa bagi SMS yang dikenakan oleh pengendali rangkaian mudah alih akan terpakai bagi setiap pendaftaran SMS dan hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.
6. HLISB mempunyai budi bicara mutlak untuk membatalkan mana-mana pendaftaran disebabkan penyertaan berganda, SMS tak lengkap/tak tepat, penyertaan lewat, mesej ralat, pendaftaran tak berjaya disebabkan kegagalan dan/atau gangguan rangkaian yang dialami pengendali rangkaian mudah alih atau atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLISB menurut budi bicaranya yang mutlak.
7. Jika sekiranya SMS tak lengkap/tak sah, satu SMS keluar akan dihantar kepada Peserta Layak, secara percuma kepada Peserta Layak, untuk memberitahu Peserta Layak supaya mendaftar semula melalui SMS.
8. Sekiranya tarikh dan masa pendaftaran SMS yang berjaya atau masa transaksi yang dirakamkan dalam sistem HLISB berbeza atau pertikaian berbangkit tentang bila pendaftaran itu berlaku, maka tarikh dan masa yang dirakamkan dalam sistem HLISB akan diutamakan.

KAEDAH PROMOSI

(i) Peraduan Menabung, Belanja & Menang (“Peraduan”)

9. Peserta Layak yang menyertai Peraduan akan berpeluang memenangi hadiah berikut (tertakluk kepada pemenuhan kehendak-kehendak yang dinyatakan di dalam ini):

Hadiah	Item	Unit
Hadiah Utama	Nissan Navara Double Cab 2.5 VL	1
Hadiah Pertama	Samsung GALAXY S8	10
Hadiah Kedua	Samsung GALAXY A7	10

10. Bagi tujuan Promosi ini, semua deposit mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, Dana Baharu adalah:

- (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain; dan
 - (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA-i.
11. Yang berikut ini **tidak** dianggap “Dana Baharu”:
- (a) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun lain HLISB atau Hong Leong Bank (“HLB”) (sama ada Simpanan, Semasa, Deposit Tetap, Akaun Pelaburan Am atau Deposit Bertempoh-i); dan/atau
 - (b) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak **ketiga (ke-3)**.
12. Transaksi Layak ditakrifkan sebagai transaksi runcit tempatan yang dicaj kepada Kad Debit-i HLISB semasa Tempoh Promosi yang dicatatkan dalam Ringgit Malaysia (RM).
13. Transaksi Runcit **tidak termasuk** yang berikut:
- (a) Transaksi dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - (b) Pembayaran Fi Pengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Debit; atau
 - (c) Apa-apa bentuk lain perkhidmatan fi pelbagai yang dikenakan oleh HLISB.
14. Peserta Layak yang telah berjaya mendaftar adalah berhak membuat Penyertaan Peraduan tanpa had berdasarkan Kriteria Peraduan berikut yang dipenuhi semasa Tempoh Promosi:

Kriteria Peraduan	Penyertaan Peraduan
Melakukan sebarang pembelian dalam talian atau pembelian runcit tempatan dengan Kad Debit-i, dengan perbelanjaan minimum RM30 dalam satu resit.	5
Membuka Akaun Sertain baharu dengan baki minimum RM500	10
Setiap deposit tambahan RM500 ke dalam Akaun Sertain anda	3
Melakukan sekurang-kurangnya 5 Transaksi Layak dengan Kad Debit-i anda dalam setiap bulan sertain, dari September 2017 hingga Disember 2017	Penyertaan Peraduan Berganda

15. Deposit Tambahan ditakrifkan sebagai Baki Purata Harian (“BPH”) Akaun Sertain sepanjang Tempoh Promosi, ditolak baki penutup pada 10 September 2017. Bagi Akaun Sertain baharu yang dibuka semasa Tempoh Promosi, asas pengiraan Deposit Tambahan adalah **Ringgit Malaysia sifar (RM0)**.
- (a) **Akaun Sertain Sedia Ada dibuka sebelum 11 September 2017**

$$BPH = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Promosi}}{91 \text{ hari}}$$

$$\text{Deposit Tambahan} = BPH - \text{Baki penutup pada 10 September 2017}$$
 - (b) **Akaun Sertain Baharu dibuka semasa Tempoh Promosi**

$$BPH = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Promosi sejak dibuka}}{\text{Bilangan hari Tempoh Promosi sejak dibuka}}$$

$$\text{Deposit Tambahan} = BPH$$
16. HLISB akan menjejaki Deposit Tambahan Peserta Layak secara automatik pada akhir Tempoh Promosi berdasarkan jumlah transaksi yang dibuat semasa Tempoh Promosi, yang dicatatkan dan

dipaparkan dalam sistem HLISB. Borang penyertaan peraduan atau pendaftaran penyertaan tidak diperlukan.

17. Peserta Layak yang mempunyai berbilang Akaun Sertaan berhak memperoleh Penyertaan Peraduan individu bagi setiap Akaun Sertaan. Pengiraan Penyertaan yang diperolehi oleh Peserta Layak yang mempunyai berbilang Akaun Sertaan akan digabungkan untuk mengira jumlah Penyertaan Peraduan yang diperolehi semasa Tempoh Promosi.

Pemenuhan Hadiah dan Pemilihan Pemenang

18. **DUA PULUH SATU (21)** Peserta Layak akan dipilih secara rambang dan ditapis selepas tamatnya Tempoh Promosi bagi pemilihan pemenang Hadiah ("Peserta Ditapis").
19. Peserta Ditapis akan dihubungi oleh HLISB atau Pengurus Peraduan lantikannya, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574V) ("Dynamic Search") atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Peserta Ditapis seperti terdapat dalam sistem HLISB **SEKALI** pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) untuk sesi soal jawab untuk menjawab **dua (2)** soalan dengan betul dalam jangka waktu terpantas.
20. Sekiranya Peserta Ditapis gagal menjawab telefon selepas **lima (5)** deringan atas apa jua sebab sekalipun, maka Peserta Ditapis dianggap telah terlepas peluang menang dan HLISB atau Dynamic Search akan mempunyai budi bicara mutlak untuk memilih seorang lagi Peserta Ditapis jika perlu.
21. Peserta Ditapis tidak akan diberitahu dengan segera sama ada dia Pemenang mana-mana Hadiah (sepertimana ditakrifkan dalam Fasal 9) setelah selesai sesi Soal Jawab.
22. **DUA PULUH SATU (21)** teratas Peserta Ditapis yang menjawab DUA (2) soalan dengan betul dalam jangka masa terpantas akan dianggap sebagai pemenang (secara kolektif disebut "Pemenang" dan setiap seorang "Pemenang").
23. Pemenang Hadiah Pertama dan Kedua bertanggungjawab mengambil Hadiah mereka daripada cawangan asal bank masing-masing dalam masa **satu (1)** bulan dari Tarikh Pengumuman Pemenang, jika gagal berbuat demikian, Hadiah akan ditarik balik.
24. Akaun Sertaan Pemegang Akaun mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** dari Tempoh Promosi dan sehingga **31 Mac 2018** bagi tujuan pemenuhan Hadiah Utama.
25. Pemenang akan diberitahu oleh HLISB sama ada melalui surat, panggilan telefon, SMS, atau penyiaran nama Pemenang dalam laman web HLISB di www.hlisb.com.my atau mana-mana cara yang dianggap wajar oleh HLISB selewat-lewatnya **31 Mac 2018** ("**Pengumuman Pemenang**").
26. Peserta Ditapis yang tidak menerima Pemberitahuan tersebut daripada HLISB sebelum **31 Mac 2018** dianggap **BUKAN** Pemenang.
27. Pemenang Hadiah Utama mungkin diminta menghadiri majlis penyampaian hadiah yang tarikh, waktu dan tempatnya akan diberitahu oleh Bank. Semua belanja pengangkutan, penginapan, peribadi dan apa-apa kos lain yang dialami berhubung dengan menghadiri majlis penyampaian hadiah akan ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama.

28. Pemenang dengan ini memberi keizinan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan atau menyiarkan nama, No. Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung), Nombor Kad Debit (dalam bentuk terlindung), atau gambar foto mereka dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanan (sama ada dalam bentuk cetakan, elektronik atau medium lain) untuk tujuan Promosi.
29. Perkhidmatan SMS bagi Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad ("M3Tech"), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh HLISB.
30. **TERMA DAN SYARAT HADIAH UTAMA**
 - (a) Spesifikasi kereta standard sahaja. Tidak termasuk barangan aksesori pilihan;
 - (b) Spesifikasi kereta sebenar, model, tahun buatan dan/atau warna mungkin berbeza daripada visual yang dipaparkan. Visual yang ditunjukkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja;
 - (c) Tidak termasuk caj dan kos berikut yang akan ditanggung oleh Pemenang (caj nombor plat, cukai jalan, insurans, bayaran pendaftaran, bayaran pengendalian, bayaran pemprosesan, bayaran timbangan, bayaran pemeriksaan, caj penghantaran, kos bahan api (minyak) dan lain-lain kos sampingan berkaitan dengan penerimaan Hadiah Utama);
 - (d) Pemenang MESTILAH menuntut, mendaftar dan membayar segala caj/bayaran yang dinyatakan di dalam ini dengan **Tan Chong Motors Sdn Bhd** dalam masa **satu (1)** bulan dari tarikh Pengumuman Pemenang, jika gagal berbuat demikian, maka **Hadiah Utama** akan ditarik balik;
 - (e) Pemenang mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah yang tarikh, waktu dan tempatnya akan diberitahu oleh HLISB. Segala kos pengangkutan, penginapan, peribadi dan/atau apa-apa kos berkaitan yang lain yang dialami untuk menuntut Hadiah Utama menjadi tanggungjawab Pemenang sepenuhnya; dan
 - (f) Jika sekiranya Hadiah Utama ditebus atas apa jua sebab sekalipun pada Harga Runcit lebih rendah daripada Harga Runcit Hadiah Utama, maka Perbezaan dari segi Harga Runcit tidak boleh ditukar atau didapatkan balik oleh Pemenang untuk wang tunai, kredit, cek atau manfaat barangan.
31. HLISB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Hadiah Utama yang tidak dituntut selepas **31 Mac 2018**.

(ii) Pulangan Tunai 5-untuk-50 ("Pulangan Tunai")

32. Transaksi Layak ditakrifkan sebagai transaksi runcit tempatan yang dicaj kepada Kad Debit-i HLISB semasa Tempoh Promosi yang dicatatkan dalam Ringgit Malaysia (RM).
33. Transaksi Layak **tidak termasuk** yang berikut:
 - (a) Transaksi dibayar balik, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - (b) Pembayaran Fi Pengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Debit; atau
 - (c) Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai yang dikenakan oleh HLISB.
34. Peserta Layak yang menyertai Promosi akan berpeluang memperoleh Pulangan Tunai RM50 dengan menjadi antara TIGA RATUS (300) pertama Peserta Layak yang melakukan lima (5) Transaksi Layak (sepertimana ditakrifkan dalam Fasal 33 and 34) dengan jumlah minimum RM30 perbelanjaan runcit dalam satu resit dengan menggunakan mana-mana Kad Debit-i HLISB), akan berpeluang memenangi Pulangan Tunai dalam setiap tempoh sepanjang Tempoh Kempen, mengikut cara yang dihuraikan dalam jadual Pulangan Tunai dalam Fasal 35 di bawah.

Contoh: Encik A membuat transaksi berikut dengan Kad Debit-i HLISBnya:

01/01/17: RM40 untuk Barang Runcit

02/01/17: RM35 untuk Petrol

03/01/17: RM50 untuk Makan Minum

04/01/17: RM90 untuk Farmasi

05/01/17: RM30 untuk Makan Minum

Encik A layak mendapat Pulangan Tunai RM50 kerana dia salah seorang daripada 300 pemenang pertama yang membuat 5 Transaksi dengan perbelanjaan runcit minimum RM30 dalam satu resit.

35. Jadual Pulangan Tunai

Bulan Sertaan	(Tempoh 1) 11 September 2017 hingga 30 September 2017	(Tempoh 2) 1 Oktober 2017 hingga 31 Oktober 2017	(Tempoh 3) 1 November 2017 hingga 10 Disember 2017	JUMLAH
Bilangan Pemenang	300	300	300	900
Pulangan Tunai Bulanan (RM)*	50	50	50	
Jumlah Pulangan Tunai (RM)	15,000	15,000	15,000	45,000

***Ganjaran Pulangan Tunai (Pulangan Tunai Bulanan RM50) dianggap 'hibah' (pemberian) daripada HLISB kepada Pemegang Kad Layak.**

Pemenuhan Pulangan Tunai dan Pemilihan Pemenang

36. Pada akhir Tempoh Kempen, Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Transaksi Layak dalam Tempoh Kempen dengan Kad Debit-i akan dipilih berdasarkan tiga ratus (300) pertama Pemegang Kad Layak yang melakukan 5 (LIMA) Transaksi Layak ("Pemenang").
37. Pemegang Kad Layak berhak memperoleh Pulangan Tunai RM50 sahaja SATU (1) kali dalam bulan sertaan atas dasar **siapa cepat dia dapat** dan memperoleh lebih daripada SATU (1) kali sepanjang Tempoh Kempen.
38. Transaksi Layak Berbahagi Dua tidak dibenarkan dan akan dibatalkan.
39. Pengumuman Pemenang akan dibuat dalam Laman Web HLISB di www.hlisb.com.my dan melalui SMS dalam masa dua belas (12) minggu selepas Tempoh Kempen.
40. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Belian Runcit Kad Debit-i Pemenang (Akaun Simpanan-i/Akaun Semasa-i yang dipautkan kepada Kad Debit-i dalam masa dua belas (12) minggu selepas tamatnya Kempen.
41. Pembayaran Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka atau manfaat barangan.

(iii) Hadiah Pengunjung Awal (“Hadiah”)

42. Di samping Peraduan dan Pulangan Tunai, Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad yang telah mematuhi pemenuhan Amaun Deposit sepertimana ditetapkan di bawah selama EMPAT (4) bulan berturut-turut (“Tempoh Peruntuk”) dalam mana-mana Akaun Sertaan semasa Tempoh Promosi (“Pelanggan Layak”) berhak mendapat Hadiah berikut:

Pemberian	Kuantiti (unit)	Amaun Deposit Minimum (RM)
3 Set Bekas ‘High Tea Easy Lock’	1,500	RM2,000
Pengisar Peribadi ‘Morphy Richards’	500	RM10,000

43. Untuk tujuan Promosi ini, semua deposit mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, Dana Baharu adalah:
- (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain; dan
 - (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA-i.
44. Yang berikut ini **tidak** dianggap sebagai “Dana Baharu”:
- (a) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun lain HLB/HLISB (sama ada Akaun Simpanan, Semasa, Deposit Tetap, Akaun Pelaburan Am atau Deposit Bertempoh-i); dan/atau
 - (b) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak **ketiga (ke-3)**.
45. Pemberiah Hadiah adalah atas dasar siapa cepat dia dapat, dihadkan kepada **satu (1) Hadiah** bagi setiap kategori bagi setiap Pelanggan Layak sepanjang Tempoh Promosi. Pemberitahuan akan dikeluarkan jika sekiranya mana-mana atau kesemua Hadiah itu kehabisan stok dengan cara menyiarkannya dalam laman web Bank di www.hlisb.com.my (“Laman Web Bank”).
46. Pelanggan Layak yang memenuhi Fasal 42 hingga 45 akan dihubungi oleh HLISB/HLB atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Pelanggan Layak sepertimana terdapat dalam sistem HLISB **SEKALI** pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang)
47. Pelanggan Layak yang dihubungi oleh HLISB/HLB bertanggungjawab mengambil Hadiah daripada cawangan asal bank masing-masing dalam masa **satu (1) bulan**, jika gagal berbuat demikian, hadiah itu akan ditarik balik.
48. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan sama sekali atas sebarang Hadiah yang hilang, koyak, rosak, luput tarikh atau kecurian dan sebarang permintaan untuk mendapat penggantian Hadiah tidak akan dilayani oleh Bank.

UMUM

1. Dengan menyertai Promosi, Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad:
 - (a) Bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;
 - (b) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - (c) Memberi keizinan dan membenarkan HLISB untuk mendedahkan data peribadi mereka, misalnya nama, nombor telefon dan alamat kepada penyedia perkhidmatan seperti Dynamic Search, dan M3Tech yang dianggap wajar oleh HLISB untuk tujuan Promosi ini;
 - (d) Bersetuju nama, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung), nombor Kad Debit (dalam bentuk terlindung atau foto mereka disiarkan dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanan atau Laman Web HLISB untuk tujuan Promosi ini (jika berkenaan);
 - (e) Keputusan HLISB atas semua hal berkenaan dengan Promosi, Hadiah, Pemberian Peserta Terawal dan Acara adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLISB tidak akan dilayani; dan
 - (f) Bersetuju untuk menanggung sendiri segala cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penerimaan Hadiah dan/atau Pemberian Peserta Terawal.
2. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Akaun Am Akaun dan Terma dan Syarat Kad Debit-i Hong Leong, atau mana-mana terma dan syarat berkenaan yang mungkin ditetapkan oleh HLISB dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
3. HLISB berhak:
 - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma dan Syarat terkandung di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian atas budi bicara mutlaknyanya dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLISB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar; dan
 - (b) meminda Hadiah dan/atau Pemberian Peserta Terawal dan/atau menggantikannya dengan produk lain yang sama nilainya atau lain warna atas budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLISB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLISB.
4. Hadiah dan/atau Pemberian Peserta Terawal diberi atas dasar "Sebagaimana Ada". HLISB tidak membuat sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti Hadiah dan/atau Pemberian Peserta Terawal dan tidak akan bertanggungjawab menggantikan mana-mana Hadiah dan/atau Pemberian Peserta Terawal yang hilang, dicuri atau cacat disebabkan kecacatan dari segi bahan atau mutu kerja oleh syarikat pembuat di bawah waranti atau tidak. Pemenang hendaklah mengurus secara langsung dengan syarikat pembuat bagi maklumat waranti tersebut atau tuntutan tanpa bantuan HLISB.
5. Hadiah dan/atau Pemberian Peserta Terawal tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.

6. Hadiah dan/atau Pemberian Peserta Terawal yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan laman web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dan Pemberian Peserta Terawal dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah menjadi sebahagian daripada Hadiah dan Pemberian Peserta Terawal.
7. Pemenang yang memenangi Hadiah dan/atau Pemberian Peserta Terawal dan/atau Pelanggan Layak yang memperoleh Pemberian Peserta Terawal hendaklah mengurus secara langsung dengan peniaga dan/atau syarikat pembuat bagi maklumat waranti tersebut atau tuntutan tanpa bantuan HLISB.
8. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
9. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLISB akan diutamakan.
10. Jika sekiranya terdapat percanggahan dari segi terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, maka terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Sertaan layak dilindungi oleh PIDM.